

**RISĀLAH FĪ AL-ISTIHSĀN AL-KHAWD  
FĪ ‘ILM AL-KALĀM  
KARANGAN IMĀM AL-’ASY’ARI:  
TERJEMAHAN TEKS**

Oleh:

**Mohd Radhi Ibrahim \***

**Rawiyah Mohd Junoh \***

**Abstract**

*Although the importance of ‘aqidah has been accepted as a fundamental belief for every Muslims, but the authority of ‘ilm al-Kalām in Islamic epistemological structure is still on debate. Therefore the view of Imām Abū Hassan al-’Asy’ari the founder of the school of Ash’arite and his defence of the ‘ilm al-Kalām is very important for contemporary scholars for a better understanding of the issue. As far as the issue is concerned this article tries to elaborate the view of Imām al-’Asy’ari towards the authority of ‘ilm al-Kalām through the translation of his book “Risālah Fī al-Istihsān al-Khawd Fī ‘Ilm al-Kalām.”*

**Pendahuluan**

Nama sebenar beliau ialah ‘Alī bin Ismā‘il bin Abī Basyr, Iṣhāq

\* Mohd Radhi Ibrahim M.A adalah pensyarah di Kolej Universiti Islam Malaysia. Manakala Rawiyah Mohd Junoh M.A pula adalah pensyarah sambilan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM. Penulis mengucapkan terima kasih kepada En. Wan Suhaimi Wan Abdullah, pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM di atas pandangan dan teguran beliau dalam memperkemaskan lagi terjemahan ini.

bin Salīm bin Ismā‘īl<sup>1</sup> bin ‘Abd Allāh bin Mūsā bin Bilāl bin ‘Amīr Baṣrah bin Abī Burdah, ‘Amīr bin Abī Mūsā, ‘Abd Allāh<sup>2</sup> bin Qays bin Haddār al-‘Ash‘arī<sup>3</sup> al-Baṣrī al-Yamānī.<sup>4</sup>

Hampir keseluruhan para pengkaji berpendapat bahawa tarikh lahir Imām al-‘Ash‘arī ialah pada 260 hijrah, kecuali beberapa orang yang telah membuat andaian lain yang mengatakan kemungkinan Imām al-‘Ash‘arī lahir pada tahun 270 hijrah.<sup>5</sup> Tempat lahir Imam al-‘Ash‘arī pula ialah di Basrah.<sup>6</sup> Beliau meninggal dunia pada tahun 324 hijrah atau 330 hijrah di Baghdad.<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Ibn al-Nadīm, *al-Fihrist*, (Kaherah: Matba‘ah al-Istiqāmah, t.t.), hlm. 271.

Lihat sama Ibn al-Khatīb al-Baghdādī (w. 463H), *Tārīkh Baghdād*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), jil. xi, hlm. 346. Untuk melihat biografi Imām al-Asy‘arī secara terperinci lihat sama Ibn al-Ṣalāh, *Ṭabaqāt al-Fuqahā’*, (Beirut: Dār al-Basyā’ir al-Islāmiyyah, 1992), cet. i, jil. ii, hlm. 604; Ibn Khalikān, *Wafayāt al-‘Aŷān*, (Kaherah: Maktabah al-Nahqah al-Miṣriyyah), t.t., jil. ii, hlm. 510.

<sup>2</sup> Lihat umpamanya Ibn al-‘Imād, *Syadharāt al-Dhahab*, (Kaherah: Maktabah al-Quds, 1350H.), jil. ii, hlm. 303; al-Alūsi, *Jala’ al-‘Ainain*, (Kaherah: Matba‘ah al-Madani, 1961), hlm. 213.

<sup>3</sup> Ibn Kathīr, *al-Bidāyah Wa al-Nihāyah*, (Beirut: Maktabah al-Ma‘ārif, 1966), cet. 1, jil. xi, hlm. 187; ‘Abd al-Rahmān Badawī, *Madhāhib al-Islāmiyyīn*, (Beirut: Dār al-‘Ilm al-Malāyiñ, 1983), cet. iii, jil. 1, hlm. 487; Abū Bakar Khālid Ibrāhīm Ahmād al-Mausili, *Syūbah al-‘Aqidah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabi, 1990), cet. i, hlm. 20.

<sup>4</sup> Ibn ‘Asākir al-Damsyīqi, *Tabyīn Kadhb al-Muftārī*, (Damsyiq: Matba‘ah al-Tawīfīq, 1347H.), hlm. 34; Ibn al-Jauzī, *al-Muntazim*, (Hyderabad: Dā’irah al-Ma‘ārif, 1357 H.), cet. i, jil. vi, hlm. 332; al-Dhahabī, *al-Musytabīh*, (Leiden: E.J. Brill, 1863), hlm. 11; ‘Alī ‘Abd al-Fattāh, ‘Umar Sulaimān al-Ashqār, *Mu’taqad Abī al-Hasan al-Ash‘arī*, (Amman: Dār al-Nafā’is, 1994), cet. i, hlm. 13. ‘Umar Ridā al-Kahālah, *Mu’jam al-Mu’allifīn*, (Beirut: Dār Ihyā’ al-Thurāth al-‘Arabi, t.t.), jil. vii, hlm. 35; Muḥammad Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib*, (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi), jil. i, hlm. 180.

<sup>5</sup> Ibn Khalikān, *op.cit*, hlm. 571. Lihat sama al-Dhahabī, *al-Musytabīh*, hlm. 11. Lihat sama Ibn Kathīr, *op.cit*, hlm. 187. Lihat sama Abū Bakar Khālid Ibrāhīm, *op.cit*, hlm. 21. Lihat sama Dr. ‘Umar Sulaimān al-Ashqār, *op.cit*, hlm. 13.

<sup>6</sup> Ibn ‘Asākir al-Damsyīqi, *op.cit*, hlm. 146.

<sup>7</sup> Ibn ‘Asākir al-Damsyīqi, *loc.cit*. Lihat sama Ibn Ṣalāh, *op.cit*, hlm. 606.

Beliau merupakan seorang tokoh *mutakallimūn* dan *ulamā'* yang mengasaskan aliran *al-'Ashā'irah*, satu mazhab utama dalam mazhab akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Mazhabnya tersebar luas di dunia Islam dan didokong oleh para ulama' Islam yang terkenal seperti al-Ghazālī, al-Baqillānī, al-Qusyairī, al-Juwainī sehingga manajnya dalam ilmu tauhid menjadi mazhab unggul dalam madrasah *Ahl al-Sunnah*.<sup>8</sup>

Pada mulanya beliau adalah pengikut Mu'tazilah dan menjadi murid kepada Abū 'Ali al-Jubbā'i, pemimpin Mu'tazilah di Basrah. Namun beliau telah meninggalkan mazhab Mu'tazilah setelah bermimpi sebanyak tiga kali bertemu Nabi s.a.w yang menyuruhnya untuk berpegang teguh dengan *al-Sunnah* dan mempertahankannya.<sup>9</sup>

Setelah berpegang dengan mazhab *Ahl al-Sunnah* beliau menghabiskan waktu hidupnya untuk mengemukakan hujah dan kritikan terhadap pandangan golongan Mu'tazilah. Dalam usaha tersebut Imam al-'Ash'ari telah menggunakan senjata yang sama dengan Mu'tazilah iaitu pembuktian melalui akal yang berpandukan kepada rasional yang jelas dan konkret.

Di antara karya utama beliau ialah *al-Ibānah 'An Uṣūl al-Diyānah*, *Maqālāt al-Islāmiyyīn Wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, *Risālah Fi Istihsān al-Khawd Fī 'Ilm Kalām*, *Al-Luma' Fi al-Radd 'Ala Ahl al-Zaigh Wa al-Bid'a*, *Al-Mujiz* dan lain-lain lagi.<sup>10</sup>

### Keabsahan 'Ilm al-Kalām

Persoalan keabsahan 'ilm al-Kalām menjadi satu isu penting pada akhir zaman pemerintahan Umayyah dan pada awal zaman pemerintahan Abbasiyah. *Ulamā' Kalām* mempertahankan

<sup>8</sup> Husain Ahmad Amin, *100 Tokoh Dalam Sejarah Islam*, Penterjemah: Bakhruddin Fannani, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd, 1997), cet. i, hlm. 158.

<sup>9</sup> Lihat umpamanya Hamad al-Anṣārī, *Muqaddimah al-Ibānah*, (Damsyik: Dār al-Bayān, 1993M/1413H.), cet ke-iv, hlm. 11.

<sup>10</sup> 'Abd al-Rahmān Badawī, *op.cit*, hlm. 505-525. Lihat sama Ibn 'Asākir, *op.cit*, hlm. 128-140.

keabsahan ‘ilm al-Kalām sebagai salah satu daripada ilmu-ilmu Islam. Manakala *ulamā’ Ḥadīth* dan *ulamā’ fiqh* pula mempersoalkan tentang keabsahan ‘ilm al-Kalām dalam struktur epistemologi Islam yang sahih. Golongan kedua menganggap *ilm al-Kalām* sebagai ilmu *bid’ah* dan *ulamā’ Kalam* adalah *ulamā’ bid’ah*.<sup>11</sup>

Tulisan ini mengemukakan terjemahan teks pembelaan Imam al-’Asy’ari terhadap keabsahan *ilm al-Kalām* sebagai salah satu dari ilmu-ilmu Islam. Semoga rencana ini dapat memberikan satu sumbangan yang positif dalam usaha membentuk pemikiran Islam yang mantap dan padu.

## Pengantar Kepada Teks

Imām al-’Asy’ari dalam karyanya ini menjelaskan tentang kepentingan dan keabsahan ‘ilm al-Kalām sebagai salah satu dari ilmu-ilmu Islam. Menjelaskan pandangan beliau, Imām al-’Asy’ari menyatakan bahawa terdapat satu golongan manusia yang cenderung untuk bertaklid dan menganggap sesiapa yang melakukan penelitian terhadap prinsip-prinsip agama (*Uṣūl al-Dīn*) seperti perbincangan tentang pergerakan (*al-Harakah*), diam (*al-Sukūn*), dan sifat-sifat Allāh Azza wa Jallā sebagai sesuatu yang *bid’ah* (diada-adakan) dan sesat.

Golongan ini berhujah menyatakan bahawa sekiranya perbincangan tentang perkara tersebut merupakan sebahagian dari agama dan panduan kepada ummah nescaya ia akan diperkatakan oleh Nabi s.a.w dan para sahabat Baginda. Oleh kerana tidak ada seorang pun yang meriwayatkan daripada Baginda s.a.w perbincangan berkaitan apa yang disebutkan di atas, maka perbincangan tentangnya merupakan perkara *bid’ah* dan perbahasan

---

<sup>11</sup> Untuk melihat lebih lanjut tentang polemik kelegitimasian ‘ilm al-Kalām sila rujuk Ibrahim Abu Bakar, “Kontroversi Sekitar Kelegitimasian Ilmu Kalam,” dlm. Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah, *Islam Akidah dan Kerohanian Islam*, (Bangi: Penerbit UKM, 1998), ed. 2.

mengenainya adalah suatu kesesatan. Oleh yang demikian maka kita hendaklah menjauhkan diri dari membincangkan berkenaan perkara tersebut.

Bagi menjelaskan kekeliruan golongan ini Imām al-'Asy'arī mengemukakan jawapan dari tiga aspek:

**Pertama:** Mengbalikkan persoalan tersebut kepada mereka dengan mengatakan, Nabi s.a.w tidak pernah mengatakan bahawa orang yang meneliti tentang perkara tersebut dan membincangkannya akan tergolong dalam golongan yang *bid'ah* dan sesat. Maka dengan demikian sebenarnya mereka lah yang melakukan *bid'ah* dan sesat kerana memperkatakan sesuatu yang tidak diperkatakan oleh Nabi s.a.w dan kerana mereka telah menghukum sesat mereka yang tidak dihukum sesat oleh Nabi s.a.w.

**Kedua:** Sesungguhnya Nabi s.a.w dan tidak jahil suatupun tentang perkara yang diperkatakan dalam perbincangan mengenai jisim, *'arad*, pergerakan (*harakah*), diam (*sukūn*), dan sifat-sifat Allāh s.w.t. Biarpun Baginda s.a.w tidak memperkatakan tentang setiap satu daripada perkara tersebut secara khusus (*mu'ayyanan*), namun asas-asasnya terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah secara umum (*jumlatan*) tanpa perincian.

Persoalan pergerakan (*harakah*), diam (*sukūn*), perbincangan tentang prinsip-prinsip keesaan Allāh s.w.t (*Uṣūl al-Tawḥīd*) dan kesemua perbahasan tentang huraian terperinci cabang-cabang persoalan tauhid dan keadilan Allāh s.w.t semuanya diambil daripada al-Qur'an al-Karim.

**Ketiga:** Sesungguhnya kesemua permasalahan yang dipersoalkan oleh mereka tentang perkara-perkara tersebut diketahui oleh Rasulullah s.a.w secara terperinci, cuma permasalahan tersebut tidak diperbahaskan pada zamannya s.a.w secara khusus, sehingga Baginda perlu membincangkannya. Seandainya berlaku pada zaman Nabi s.a.w perbincangan tentang kemakhlukan al-Qur'an (*Khalq al-Qur'ān*)

dan pada konsep Sebahagian dan Lompatan (*al-Juz' wa al-Tafrāh*) nescaya Nabi s.a.w akan memperkatakan dan menjelaskan perkara tersebut sebagaimana Baginda telah menjelaskan seluruh perkara yang berlaku di zamannya.

Mengukuhkan lagi hujahnya Imām al-'Asy'arī menyatakan, mengapa mereka mengkaifirkannya golongan yang mengatakan al-Qur'an sebagai makhluk sedangkan tidak diriwayatkan dari Nabi s.a.w hadith yang sahih tentang penafian kemakhlukannya dan tentang pengkafirian terhadap sesiapa yang membincangkannya. Kenapa mereka ini tidak mendiamkan diri dari membincangkan tentangnya sedangkan ianya tidak diperkatakan oleh Nabi s.a.w?

Sebenarnya menurut Imām al-'Asy'arī golongan ini akan membincangkan perkara tersebut sehingga apabila mereka kehabisan hujah mereka akan berkata bahawa perkara tersebut adalah ditegah untuk dibincangkan. Sebenarnya perbuatan mereka tersebut adalah satu bentuk taklid tanpa sebarang hujah dan penjelasan.

Demikian juga Baginda s.a.w tidak menulis kitab sebagaimana yang dilakukan oleh Mālik, al-Thawrī, al-Shāfi'i dan Abū Ḥanifah. Adakah mereka ini dianggap pembuat bid'ah kerana melakukan perkara yang tidak dibuat oleh Rasulullah s.a.w.

Sememangnya apa yang dikemukakan oleh Imām al-'Asy'arī adalah memadai untuk menjelaskan tentang kebaikan mempelajari dan mendalami '*ilm al-Kalām*'. Penjelasan ini turut membuktikan bahawa '*ilm al-Kalām*' merupakan ilmu yang sah dalam hieraki epistemologi Islam.

Terjemahan Teks:

Risalah Tentang Kebaikan Mendalami Ilm al-Kalām

(*Risālah fī al-Istihsān al-Khawd fī ‘Ilm al-Kalām*)<sup>12</sup>

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam serta selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad, keluarganya dan semua sahabatnya.

- (1) Telah memberitahu kami al-Syeikh al-Imām Jamāl al-Dīn Abū al-Haṣan bin Ibrāhīm b. ‘Abdullāh al-Qursyī [secara] ijazah dengan tulisannya, berkata: “Kami diberitakan (*anba’ anā*) oleh al-Faqih al-Imām al-‘Alīm Fakhr al-Dīn Abū al-Ma’ālī Muḥammad b. Abī al-Faraj b. Muḥammad b. Barakah al-Mawsili, dibaca ke atasnya (*qirā’ah ‘alaihi*) dan saya mendengar dalam masjidnya di pasar Sultan, Baghdad pada hari Selasa, lapan Syawal, tahun 600 [hijrah]. Dikatakan padanya: Aku telah membaca di hadapan (*qara’tu ‘alā*) Syeikh al-Imām al-Ṣadūq Abī Maṇṣūr al-Mubārak b. ‘Abdullāh b. Muḥammad al-Baghdādi pada hari beliau bentangkan kepadamu di *ribāt*<sup>13</sup>nya yang dikenali sebagai *Ribāt al-Barbahīriyyah* ke timur *Madinah al-Salām* dari tahun 573H lalu dia mengakuinya (*fa ‘aqarra bihi*).

Telah memberitahu kami (*‘anba’ anā*) al-Syeikh al-Imām al-Ḥafiz Jamāl al-Dīn Abū al-Faḍl ‘Abd al-Rahīm b. Aḥmad b. Muḥammad Ibn Muḥammad [b.] Ibrāhīm b. Khālid yang dikenali sebagai Ibn al-Ikhwah tahun 542H, telah mem-

<sup>12</sup> Terjemahan adalah berdasarkan teks yang dicetak oleh Matba’ah Majlis Dā’irah al-Ma’ārif al-Nizāmiyyah, Hyderabad, India, 1344H., ed. Richard McCarthy. Terjemahan ini juga turut merujuk kepada terjemahan Bahasa Inggeris oleh McCarthy: “The Vindication of The Science of Kalam,” dlm. *Theology of al-Ash’ari*, (Beirut: Imprimerie Catholique, 1953).

<sup>13</sup> Ianya bermaksud sejenis tempat berkumpul seperti kubu yang menyatukan tentera, atau ianya bangunan yang diwakafkan kepada fakir miskin. Lihat *Mu’jam al-Arabi al-Asasi*, hlm. 888. McCarthy menterjemahkannya sebagai rumah keagamaan, atau tempat beribadat, lihat McCarthy, hlm. 119.

beritahu kami (*'anba'anā*) al-Syeikh Abū al-Fadl Muham-mad b. Yahyā al-Natīlī di rumahnya di Mazendaran dengan bacaanku kepadanya (*bi qirā'ati 'alaihi*), telah memberitahu (*'anba'a*) Abū Naṣr 'Abd al-Karīm b. Muḥammad b. Hārūn al-Syirāzī, telah memberitahu (*anba'a*) 'Alī b. Rustam, telah memberitahuku (*haddathanā*) 'Alī b. Mahdi,<sup>14</sup> beliau berkata: "Aku mendengar al-Syeikh yang utama (*al-Awḥad*)<sup>15</sup> Syeikh al-Masyaikh Abū al-Hasan 'Alī b. Ismā'il al-'Asy'arī r.a. berkata:

"Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat ke atas Nabi Muḥammad dan keluarganya yang mulia dan sahabatnya para imam terpilih. *Ammā Ba'd;*"

#### [Penolakan Terhadap *'Ilm al-Kalām*]

- (2) Maka sesungguhnya terdapat golongan manusia yang menjadikan kejahanan sebagai modal (*ra's al-māl*) mereka. Melakukan penelitian dan kajian tentang agama merupakan suatu keberatan bagi mereka, sebaliknya mereka berkecenderungan untuk mempermudah-mudahkan dan bertaklid. Mereka melemparkan pelbagai tohmahan ke atas sesiapa yang melakukan penelitian terhadap prinsip-prinsip agama (*Uṣūl al-Dīn*) dan menggolongkannya sebagai sesat. Mereka menyangka bahawa perbincangan tentang pergerakan (*al-Harakah*), diam (*al-Sukūn*), jisim, *'arad*, warna-warni (*al-'Alwān*), kejadian (*al-'Akwān*), sebahagian (*al-Juz'*), *al-Tafrīh*<sup>16</sup> dan sifat-sifat Allāh Azza wa Jallā sebagai sesuatu yang bid'ah (diada-adakan) dan sesat.

<sup>14</sup> Menurut McCarthy *isnād* atau rantaian nama tidak cukup panjang untuk kembali kepada al-'Asy'arī yang meninggal pada 324 Hijrah. Kemungkinan sebahagian dari nama-nama tersebut tercicir, *Ibid.*, hlm. 120.

<sup>15</sup> McCarthy menterjemahkan sebagai "peerless Shaikh," hlm. 120.

<sup>16</sup> Ianya bermaksud lompatan, anjakan atau perubahan secara mengejut (*Mutation*), Rūhī al-Ba'albaki, *al-Mawrid*, hlm. 727. Ulama' yang membahaskan tentang perkara ini ialah al-Nazzām. Untuk meneliti perbahasan ini secara lebih terperinci sila rujuk, al-Syahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, (Beirut: Dār al-Ma'rīfah, 2001), v.i, hlm. 69-70.

- (3) Dalam hal ini mereka berujah: “Sekiranya [perbincangan tersebut] itu merupakan [suatu] bimbingan dan petunjuk nescaya ia akan diperkatakan oleh Nabi s.a.w, para khalifahnya serta para sahabat Baginda.” [Hujah mereka lagi]: “Ini kerana Nabi s.a.w tidak wafat melainkan setelah memperkatakan kesemua perkara yang diperlukan [ummah] berkaitan urusan agama dan Baginda s.a.w telah menerangkan perkara tersebut dengan jelas. Demikian juga Baginda s.a.w tidak akan meninggalkan kepada seseorang pun selepasnya suatu persoalan (*maqālan*) yang diperlukan [penjelasannya] oleh umat Islam berkaitan urusan keagamaan mereka, dan apa yang dapat menghampirkan mereka kepada Allāh s.w.t serta menjauhkan mereka dari kemurkaanNya.”
- (4) [Berdasarkan hujah tersebut mereka berpendapat]: “Oleh kerana tidak ada seorang pun yang meriwayatkan daripada Baginda s.a.w perbincangan berkaitan apa yang disebutkan [di atas], tulalah kita bahawa perbincangan tentangnya merupakan perkara *bid'ah* dan perbahasan mengenainya adalah suatu kesesatan. Ini kerana sekiranya ia adalah suatu kebaikan tidaklah perkara tersebut diabaikan oleh Nabi s.a.w dan para sahabatnya bahkan mereka pasti akan memperkatakannya.” [Meneruskan lagi penghujahan ini mereka berkata]: “Ini kerana perkara tersebut tidak terkeluar dari dua andaian iaitu; sama ada mereka (Nabi s.a.w dan para sahabatnya) mengetahuinya (iaitu perbincangan di atas) lantas berdiam diri dari memperkatakannya atau mereka tidak mengetahui perkara tersebut bahkan jahil tentangnya.” Sekiranya mereka mengetahui dan tidak memperkatakannya maka seharusnya kita juga berdiam diri mengenainya sebagaimana mereka berdiam diri dari membincangkannya, dan seharusnya juga kita meninggalkan usaha untuk mendalami perkara tersebut sebagaimana mereka tidak mendalaminya. [Hujah lain lagi ialah] jika sekiranya perkara tersebut merupakan sebahagian dari urusan agama maka tidak seharusnya mereka mendiamkan diri dari membincangkannya. Manakala seandainya pula perkara itu tidak diketahui oleh

mereka maka seharusnya kita mengabaikannya sebagaimana mereka menjahilinya kerana sekiranya ia adalah sebahagian daripada urusan agama nescaya mereka tidak akan menjahilinya. Maka [jelas] dalam kedua-dua situasi tadi perbincangan mengenainya adalah sesuatu yang diada-adakan (*bid'ah*), dan mendalaminya merupakan suatu kesesatan. Demikianlah sejumlah apa yang dihujahkan oleh mereka berkaitan dengan persoalan meninggalkan [kajian] terhadap prinsip-prinsip keagamaan (*al-Uṣūl*).

#### [Jawapan Pertama]

- (5) Lalu Syeikh Abū al-Hasan r.a berkata: “Adapun jawapan kepada persoalan tersebut [dapat dijelaskan] dari tiga aspek; Pertama: [Dengan] mengarahkan persoalan tersebut ke atas mereka dengan mengatakan “Nabi s.a.w juga tidak pernah mengatakan bahawa orang yang meneliti tentang perkara tersebut dan membincangkannya akan tergolong dalam golongan yang *bid'ah* dan sesat.” Maka [dengan demikian] seharusnya kamu lah yang *bid'ah* dan sesat kerana kamu telah memperkatakan sesuatu yang tidak diperkatakan oleh Nabi s.a.w dan kerana kamu telah menghukum sesat mereka yang tidak dihukum sesat oleh Nabi s.a.w.

#### [Jawapan Kedua]

- (6) Jawapan kedua ialah dengan kamu katakan kepada mereka: “Sesungguhnya Nabi tidak jahil suatupun tentang perkara yang telah kamu perkatakan dalam perbincangan mengenai jisim, ‘arad, pergerakan (*harakah*), diam (*sukūn*), *al-Juz'* dan *al-Tafrāh*, sungguhpun Baginda tidak memperkatakan tentang setiap satu daripada perkara tersebut secara khusus (*mu'ayyanan*). Demikian juga para fuqaha<sup>17</sup> dan ulama' dari kalangan sahabat [turut mengetahui perkara tersebut]. Cuma hanya kerana kesemua perkara tersebut, yang kamu sebutkannya secara khusus, asas-asasnya terdapat dalam al-Qur'an dan al-

---

<sup>17</sup> Apa yang dimaksudkan di sini ialah bukanlah ulama' feqah semata-mata akan tetapi yang mengetahui secara mendalam tentang agama.

Sunnah secara umum (*jumlatan*) tanpa perincian.

- (7) Adapun persoalan pergerakan (*harakah*), diam (*sukūn*) dan perbincangan mengenai kedua-duanya maka asas kedua-dua [persoalan itu] terdapat dalam al-Qur'an. Kedua-dua perkara tersebut (iaitu pergerakan dan tetap) membuktikan keesaan [Allāh s.w.t]. Begitu juga dengan perhimpunan ('*Ijtimā'*) dan perpecahan (*iftirāq*). Allāh s.w.t berfirman mengkhabarkan kisah Nabi Ibrāhīm a.s dalam peristiwa terbenamnya bintang-bintang, matahari dan bulan serta pergerakannya dari satu tempat ke tempat [yang lain], yang membuktikan bahawa tidak harus bagi Tuhanya suatu perkara pun dari yang sedemikian. Dan barangsiapa yang harus baginya [sifat] terbenam dan berpindah-randah dari satu tempat ke tempat yang lain maka dia bukanlah Tuhan [yang sebenar].
- (8) Adapun perbincangan tentang prinsip-prinsip keesaan Allāh s.w.t (*Usūl al-Tawḥid*), ia juga diambil daripada al-Qur'an al-Karim. Firman Allāh s.w.t:

لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلَهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدُوا

"Kalau sekiranya ada beberapa tuhan di langit dan bumi selain Allāh, nescaya binasalah kedua-duanya."<sup>18</sup>

Ayat ini meringkas [dan] menekankan tentang hujah bahawa Allāh s.w.t itu Esa dan tiada sekutu bagiNya. Perbincangan para *Mutakallimūn* berkenaan hujah keesaan Allāh s.w.t dengan dalil *al-Tamānu'*<sup>19</sup> (tegahan) dan *al-Taghālub*<sup>20</sup> (keka-

<sup>18</sup> Al-'Anbiyā', (21: 22). Terjemahan al-Qur'an adalah berpandukan kepada *Tafsir Quran al-Karim* oleh Prof. Dr. Hj. Mahmud Yunus, (Djakarta: P.T Hidakarya Agung, 1969), dengan sedikit perubahan berdasarkan keperluan.

<sup>19</sup> Maksud *al-Tamānu'* ialah saling melarang atau menegah. Dalil *al-Tamānu'* digunakan oleh para *mutakallimūn* bagi menolak pandangan golongan dualism yang mengakui kewujudan dua tuhan dan membuktikan keesaan Allāh s.w.t. Untuk penjelasan lanjut sila rujuk 'Abd al-Jabbār, *Syarḥ al-Usūl al-Khamsah*, Taḥqīq: 'Abd al-Karīm 'Uthmān, Cet. I, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1384H./ 1965), hlm. 276.

<sup>20</sup> Bermaksud Tuhan yang sebenar akan mengalahkan (*taghālub*) tuhan yang palsu. *Ibid.*, hlm. 277.

lahan) sesungguhnya merujuk kepada ayat di atas. Allāh s.w.t juga berfirman:

مَا أَنْهَدَ اللَّهُ مِنْ وَلَدٍ وَمَا كَانَ مَعَهُ مِنْ إِلَهٍ إِذَا لَذَّهَبَ كُلُّ إِلَهٍ بِمَا خَلَقَ وَلَعَلَّا بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ

*"Allāh s.w.t tidak mempunyai anak dan tiada tuhan [yang lain] bersamanya. Kalau ada tentu masing-masing tuhan berpisah bersama makhluk yang dijadikannya dan tentu setengahnya mengalahkan yang lain."*<sup>21</sup>

Demikian juga firmanNya:

أَمْ جَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ خَلَقُوا كَخَلْقِهِ فَشَابَةُ الْخَلْقِ عَلَيْهِمْ

*"Bahkan adakah mereka menjadikan bagi Allāh s.w.t sekutu-sekutu yang menjadikannya seperti Allah menjadikan, lalu serupa makhluk atas mereka? makhluk."*<sup>22</sup>

[Demikianlah, sesungguhnya] perbahasan *mutakallimūn* berkenaan hujah-hujah tentang keesaan Allah adalah bersumberkan kepada ayat-ayat yang kita sebutkan [di atas]. Begitu juga dengan kesemua perbahasan tentang huraian terperinci cabang-cabang persoalan tauhid dan keadilan [Tuhan], semuanya diambil dari al-Qur'an.

- (9) Maka demikianlah juga dengan perbahasan tentang keharusan berlakunya hari kebangkitan dan kemustahilannya yang menjadi pertelaghan pendapat para cerdik pandai Arab dan orang yang terdahulu sebelum mereka dari bukan Arab, sehingga mereka merasa pelik tentang harusnya berlaku hari kebangkitan, lalu mereka berkata:

إِنَّا مِنْتَ وَكُنَّا نُرَا بِاَذْلَكَ رَجْعٌ بَعِيدٌ

<sup>21</sup> Al-Mu'minūn, (23: 91).

<sup>22</sup> Al-Rā'ḍ, (13: 16).

"Adakah bila kami sudah mati dan menjadi tanah (adakah akan hidup kembali?). Sesungguhnya demikian itu amat jauh sekali."<sup>23</sup>

Dan kata mereka [lagi]:

هَيَّاهُتْ هَيَّاهُتْ لِمَا تُؤْعَدُونَ

"Amat jauh, amat jauh apa yang dijanjikan kepadamu." (iaitu hari kiamat).<sup>24</sup>

Dan kata mereka:

مَنْ يُحْيِي الْعِظَامَ وَهِيَ رَمِيمٌ

"Siapakah yang akan menghidupkan tulang yang telah hancur."<sup>25</sup>

Dan firman Allah swt:

أَيَعْدُكُمْ أَنَّكُمْ إِذَا مِتُّمْ وَكُنْتُمْ ثُرَابًا وَعَظَمًا أَنَّكُمْ مُخْرَجُونَ

"Adakah Allah menjanjikan kepadamu, bahawa bila kamu mati dan menjadi tanah dan tulang, kemudian kamu akan dikeluarkan?"<sup>26</sup>

Demikian jugalah kata-kata yang seumpamanya dari mereka. Sesungguhnya telah didatangkan dengan hujah-hujah tentang keharusan berlakunya kebangkitan selepas kematian dalam al-Qur'an bagi menguatkan lagi keharusan berlakunya [kebangkitan tersebut] dalam akal fikiran. [Demikian juga Allah s.w.t.] mengajarkan NabiNya s.a.w dan menyatakan (*laqqānā*) berkenaan hujah ke atas mereka yang mengingkari kebangkitan ini dari dua aspek ke atas dua kumpulan dari mereka [iaitu]; golongan [pertama] yang mempercayai tentang penciptaan pertama [tetapi] menafikan [berlakunya pencip-

<sup>23</sup> Qāf, (50: 3).

<sup>24</sup> Al-Mu'minūn, (23: 35).

<sup>25</sup> Yāsin, (36: 78).

<sup>26</sup> Al-Mu'minūn, (23: 35-37).

taan] kedua, [dan] golongan [kedua] yang mengingkarinya [penciptaan pertama] dengan [mengatakan bahawa kejadian] alam adalah *qadim* (sediakala).

- (10) Maka dia<sup>27</sup> (Nabi Muhammad s.a.w) telah berhujah ke atas mereka yang mengakui tentang penciptaan yang pertama [tetapi mengingkari yang kedua] dengan firman Allah s.w.t:

قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنْشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ

*“Katakanlah: Yang akan menghidupkannya ialah [Tuhan] yang menjadikannya pada kali pertama.”*<sup>28</sup>

وَهُوَ الَّذِي يَبْدِأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يَعْيِدُهُ وَهُوَ أَهْوَانُ عَلَيْهِ

*“Dan Dialah yang memulai kejadian [makhluk] kemudian Dia mengulanginya, sedangkan (mengulang) itu, lebih mudah bagiNya.”*<sup>29</sup>

كَمَا يَبْدَاكُمْ تَعْوِذُونَ

*“Sebagaimana [Allah] memulai kejadianmu, begitu pula kamu akan kembali [kepadaNya].”*<sup>30</sup>

Maka beliau telah menarik perhatian mereka dengan ayat-ayat ini yang menunjukkan bahawa sesiapa yang mampu untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa contoh terdahulu maka dia lebih mampu untuk melakukan perkara tersebut untuk kali

<sup>27</sup> Menurut McCarthy “dia” yang dimaksudkan di sini kurang jelas sama ada Allah s.w.t, atau Muhammad s.a.w, dan beliau berpendapat bahawa penentuan siapa di sini tidak penting kerana hujah berasal dari Allah s.w.t, kemudian kepada Muhammad s.a.w, lihat McCarthy, *Theology of al-'Ash'ari*, hlm. 124. Namun penelitian mendapati “dia” bermaksud Nabi Muhammad s.a.w kerana pada perenggan sebelumnya dinyatakan bahawa Allah s.w.t mengajarkan kepada NabiNya berkenaan hujah ke atas golongan penentang. Oleh itu penghujahan tersebut dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w.

<sup>28</sup> Yāsin, (36: 79).

<sup>29</sup> Al-Rūm, (30: 27).

<sup>30</sup> Al-A'rāf, (7: 29).

yang kedua, bahkan ia adalah lebih mudah baginya sebagaimana kebiasaan di kalangan kamu. Adapun bagi Allah yang maha agong pujianNya dan maha suci nama-namaNya (*Jalla thanā' uhu wa taqaddasat 'asmā' uhu*), maka tidaklah menciptakan sesuatu [perkara] itu lebih mudah bagi-Nya dari menciptakan [perkara] yang lain.<sup>31</sup> Sesungguhnya dikatakan bahawa huruf “*ha*” pada ‘*Alayh* adalah *kināyah* [merujuk] kepada makhluk dengan kemampuannya, bahawa kebangkitan dan pengembalian adalah lebih senang ke atas seorang [dari] kamu dan lebih ringan dari permulaan kejadiannya. [Ini] kerana permulaan kejadian tentunya [bermula] dengan kelahiran, pendidikan, pemotongan tali pusat, keluar gigi dan seumpamanya dari tanda-tanda yang menyakitkan dan memeritkan. Sedangkan proses pengembalian semula adalah [berlaku secara] sekaligus [dan] tidak sebagaimana [kejadian pertama], maka ia lebih mudah dari proses permulaannya. Maka inilah apa yang dihujahkan ke atas mereka yang mempercayai tentang penciptaan [pertama].

- (11) Adapun golongan yang mengingkari tentang proses penciptaan dan kebangkitan dan berpandangan bahawa alam ini adalah *qadīm*, sesungguhnya [mereka] telah terkeliru oleh kesamaran bilamana mereka mengatakan bahawa: “Kami dapati kehidupan itu lembap (*raṭbah*) dan panas, manakala kematian itu sejuk dan kering (*yābisān*), dan ini merupakan tabiat tanah; maka bagaimana harus terkumpul antara kehidupan dan tanah serta tulang yang hancur lalu ia menjadi satu kejadian yang sempurna, padahal dua perkara yang berlawanan tidak berhimpun (*wa al-Diddan lā yajtami'ān*), lalu mereka mengingkari kebangkitan berdasarkan aspek ini.
- (12) Sesungguhnya diakui bahawa dua perkara yang berlawanan sememangnya tidak akan terhimpun pada satu tempat, tidak juga pada satu sudut dan tidak [juga] kewujudan yang wujud

<sup>31</sup> Apa yang dimaksudkan ialah Allah s.w.t tidak dinilai sebagaimana manusia yang mempunyai kadar berbeza bagi setiap perkara. Oleh sebab itu setiap perkara tiada beza sama ada lebih senang atau lebih susah di sisi Allah s.w.t.

pada tempat (*al-Mawjūd fī al-Mahall*), akan tetapi sah wujud keduanya pada dua tempat secara bersebelahan. Allah s.w.t berhujah ke atas mereka dengan firmanNya iaitu:

الذِّي جَعَلَ لَكُم مِّنَ الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا إِنَّا أَنَّمَا مِنْهُ ثُوقَدُونَ

*“Yang menjadikan untukmu api dari pohon kayu yang hijau [basah], tiba-tiba kamu menyalaikan api dengan dia.”*<sup>32</sup>

Allah s.w.t telah menolak hujah mereka tentang hal itu berdasarkan kepada apa yang mereka ketahui dan saksikan sendiri iaitu dari keluarnya api yang panas dan kering daripada pokok yang hijau yang sejuk dan basah. Lalu Allah s.w.t menjadikan keharusan ciptaan pertama sebagai dalil kepada harusnya ciptaan kedua kerana ia adalah dalil ke atas harusnya bergandingan kehidupan (*al-Hayāh*); tanah dan tulang yang hancur, lalu dijadikannya satu kejadian yang sama, firmanNya:

كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ تَبِعِيدَةً وَعَدَّا عَلَيْنَا إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ

*“Sebagaimana Kami mulai permulaan makhluk, begitu pula Kami mengulanginya.”*<sup>33</sup>

- (13) Dan adapun apa yang diperkatakan para *mutakallimūn* bahawa [bagi] makhluk ada permulaan (*Awwalan*) dan penolakan mereka terhadap golongan *al-Dahriyyin* [yang mengatakan] bahawa tidak ada satu pergerakan melainkan sebelumnya ada pergerakan [yang lain], dan tidak ada satu hari melainkan sebelumnya ada satu hari [yang lain], [dan demikian juga] perbahasan ke atas sesiapa yang berkata bahawa tidak ada suatu bahagian melainkan baginya separuh yang tidak berkesudahan, maka sesungguhnya kami dapati asas [perbincangan] ini dalam sunnah Rasulullah s.a.w ketika mana Baginda bersabda: “Tidak ada penyakit yang berjangkit dan tiada tanda buruk,” lalu berkata seorang Badwi: “Bagaimana pula dengan apa yang berlaku kepada sekumpulan unta yang

<sup>32</sup> Yasin, (36: 80).

<sup>33</sup> Al-Anbiyā', (21: 104).

pada asalnya seolah-olah kijang [yang cergas dan sihat], yang masuk ke dalam unta yang ada penyakit kulit, lalu ditimpa penyakit yang sama? Maka Nabi pun berkata: “Maka siapa yang menimpa penyakit tersebut kepada unta yang pertama? Lalu terdiamlah Badwi apabila dikemukakan hujah yang rasional. Dan demikian jugalah kami katakan kepada mereka yang menyangka bahawa tiada pergerakan melainkan sebelumnya pergerakan, sekiranya benar demikian tidak akan ada sesuatu yang berlaku kerana apa yang tiada penghujung (*lā nihāyah*) tiada yang berlaku baginya.

- (14) Demikian juga ketikamana berkata seorang lelaki: “Wahai Nabi Allah s.w.t sesungguhnya isteriku melahirkan seorang anak lelaki yang hitam” lalu dia ingin menolaknya. Lalu Nabi s.a.w bersabda: “Adakah kamu mempunyai unta? Dia menjawab: “Ya.” Kemudian bertanya Nabi s.a.w: “Apakah warnanya?” Beliau menjawab: “Merah.” Nabi s.a.w bertanya lagi: “Adakah di antaranya berwarna kelabu?” Beliau menjawab: “Ya ada di antaranya kelabu.” Lalu Nabi s.a.w bertanya lagi: “Bagaimanakah itu?” Berkata lelaki tersebut: “Mungkin ianya disebabkan oleh [genetik] warisan nenek moyangnya.”<sup>34</sup> Maka bersabda Nabi s.a.w: “Mungkin anakmu mendapat [genetik tersebut] dari nenek moyangnya.” Inilah apa yang diajarkan Allah s.w.t akan NabiNya s.a.w agar mengembalikan sesuatu kepada bentuk dan yang seumpamanya. Ia [juga] merupakan asas kami pada keseluruhan apa yang kami hukumkan berkaitan persamaan (*al-Syabīh*) dan keserupaan (*al-Nazīr*).
- (15) Dan demikian jugalah kita berhujah terhadap sesiapa yang berkata bahawa Allah s.w.t menyerupai makhluk-makhluk dan Dia [Allah s.w.t] adalah jisim, dengan kami mengatakan kepadanya: “Sekiranya Allah s.w.t menyerupai sesuatu maka sama ada Dia menyerupainya dari setiap aspek atau menyerupai sebahagian aspeknya sahaja. Sekiranya serupa

<sup>34</sup> McCarthy menterjemahkan sebagai, “*Perhaps the sweat spoiled it.*” Namun penterjemah melihat makna McCarthy tidak memberikan penjelasan sebenar tentang hadith tersebut.

dari segenap aspek maka wajiblah bagi Allah s.w.t itu baharu pada setiap aspek. Jikalau Allah s.w.t menyerupai jisim pada sebahagian aspek maka bermakna Allah s.w.t baharu seperti jisim dari aspek persamaannya, kerana setiap dua perkara yang sama hukum kedua-duanya adalah sama pada apa yang mereka serupai. Dan adalah mustahil bagi yang baharu itu menjadi kekal (*qadīm*) dan yang kekal itu menjadi baharu. Sesungguhnya Allah s.w.t telah berfirman:

لَيْسَ كَمُثْلِهِ شَيْءٌ

*“Tiada satupun yang menyerupai-Nya”*<sup>35</sup>

dan firmanNya lagi:

وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ

*“Dan tidak ada suatupun yang menyerupaiNya”*<sup>36</sup>

- (16) Dan adapun usul yang mengatakan bahawa jisim itu ada hujungnya dan *al-Juz'* (sebahagian) itu tidak akan terbahagi adalah berdasarkan kepada firman Allah s.w.t:

وَكُلُّ شَيْءٍ أَخْصَيْنَا فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ

*“Dan setiap sesuatu Kami menghitungnya dalam kitab yang terang.”*<sup>37</sup>

Maka adalah mustahil untuk menghitung sesuatu yang tidak berpenghujung (*Lā nihāyah*). Demikian juga mustahil sesuatu yang satu (*al-Wahid*) itu terbahagi kerana ia akan menjadi-kannya dua benda. Sesungguhnya Allah s.w.t telah memberitahu bahawa bilangan berlaku ke atas kedua-duanya.

- (17) Dan adapun usul yang mengatakan bahawa Pencipta [alam] (*al-Muhdith*) perbuatanNya hendaklah berdasarkan kepada kehendak dan pilihanNya serta tertegah perbuatan tersebut sekiranya ia tidak ingini [adalah] bersesuaian dengan firman Allah s.w.t:

<sup>35</sup> Al-Syūrā, (42: 11).

<sup>36</sup> Al-Ikhlas, (112: 4).

<sup>37</sup> Yāsīn, (36: 12).

أَفَرَأَيْتُمْ مَا تُمْثِنُونَ (٥٨) أَلَّا تَخْلُقُنَّهُ أَمْ كَعْنَ الْخَالِقُونَ (٥٩)

"Adakah kamu lihat, mani yang kamu tumpahkan [ke dalam rahim perempuan]? Kamukah menjadikannya atau Kami yang menjadikannya?"<sup>38</sup>

Maka mereka tidak akan mampu untuk mengatakan dengan suatu hujah bahawa mereka yang mencipta sungguhpun mereka berharap [untuk mempunyai] anak lelaki serta tidak akan terjadi [yang demikian itu] sungguhpun dia tidak menyukainya. Maka [Allah s.w.t] telah menegaskan kepada mereka bahawa sesungguhnya Pencipta [yang sebenar] ialah yang menjadikan makhluk berdasarkan kehendak-Nya.

- (18) Dan adapun prinsip kami menentang pihak lawan dalam perkara yang berkaitan dengan penelitian (*al-Nazar*), maka ia diambil dari sunnah Saīdīnā Muḥammad s.a.w. Ia adalah pengajaran Allah s.w.t kepada Baginda ketika Baginda bertemu dengan seorang pendita Yahudi yang gemuk, lantas berkata kepadanya: "Dengan nama Allah aku ingin bertanya kepadamu adakah engkau dapat pada apa yang diturunkan oleh Allah dari kitab Taurat yang mengatakan bahawa Allah Ta'ala benci kepada pendita yang gemuk?" Maka marahlah pendita tersebut ketika ia dimalukan oleh Baginda dengan perkara yang sedemikian, lalu ia berkata: "Allah s.w.t tidak menurunkan kepada manusia satu apa pun." Lantas Allah s.w.t berfirman:

قُلْ مَنْ أَنْزَلَ الْكِتَابَ الَّذِي جَاءَ بِهِ مُوسَى نُورًا وَهُدًى لِلنَّاسِ

"Katakanlah: Siapakah yang menurunkan *al-Kitāb* yang dibawa oleh Mūsā sebagai cahaya dan petunjuk kepada manusia."<sup>39</sup>

Maka [Allah s.w.t] telah menolak [hujah] pendita tersebut dengan contoh yang paling hampir, kerana Taurat ialah

<sup>38</sup> Al-Wāqi'ah, (56: 58).

<sup>39</sup> Al-An'ām, (6: 91).

sesuatu (*syai'*) dan Mūsā a.s adalah manusia (*basyar*), dan sesungguhnya pendita tersebut mengakui bahawa Allah s.w.t telah menurunkan kitab Taurat kepada Mūsā a.s. Demikian juga ketikamana [Allah s.w.t] menolak mereka yang mendakwa bahawa, Allah s.w.t telah berjanji kepada mereka agar tidak beriman dengan seseorang rasul sehingga rasul tersebut mendatangkan kepada mereka satu korban yang dimakan api. Lalu Allah berfirman:

قُلْ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ قَبْلِي بِالْبَيِّنَاتِ وَبِالَّذِي قُشْمَ فَلِمَ قَتَشْمُوهُمْ إِنْ كُشْمْ صَادِقِينَ

*“Katakanlah: Sesungguhnya telah datang kepada kamu para rasul-rasul sebelum ku dengan [membawa] keterangan dan dengan apa yang kamu katakan, maka mengapakah kamu bunuh mereka itu jika kamu orang yang benar?”<sup>40</sup>*

Maka Allah s.w.t telah menyanggahi mereka dengan ayat tersebut dan berhujah ke atas mereka.

- (19) Dan adapun asas kami yang mendedahkan kesilapan pihak lawan maka ia diambil berdasarkan firman Allah s.w.t:

إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ حَصَبٌ جَهَنَّمَ أَنْتُمْ لَهَا وَارِدُونَ (٩٨)  
لَوْ كَانَ هُؤُلَاءِ آلَهَةٌ مَا وَرَدُوهَا وَكُلُّ فِيهَا خَالِدُونَ (٩٩) لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَهُمْ فِيهَا لَا يَسْمَعُونَ (١٠٠)

*“Sesungguhnya kamu dan apa-apa yang kamu sembah selain Allah menjadi kayu api neraka Jahanam. Sesungguhnya kamu mesti masuk ke dalamnya. Jikalau benar mereka ini (berhalal-berhala) menjadi Tuhan, nescaya mereka tiada masuk ke dalam neraka. Sekaliannya kekal di dalamnya. Mereka mengeluh (menjerit) di dalamnya sedang mereka tiada mendengar (satu apa pun).”*

<sup>40</sup> Alī ‘Imrān, (3: 183).

<sup>41</sup> Al-Anbiyā', (21: 98-100).

Maka sesungguhnya ketika ayat ini diturunkan, sampailah [beritanya] kepada 'Abdullāh bin al-Zibā'rā. Beliau adalah seorang yang suka berdebat dan bermusuhan, maka dia berkata: "Aku bermusuhan dengan Muḥammad demi Tuhan Ka'abah". Maka dia mendatangi Rasulullah s.a.w dan berkata "Wahai Muḥammad! Bukankah engkau mendakwa bahawa 'Isā, 'Uzayr dan Malaikat telah disembah?"<sup>42</sup> Maka diamlah Nabi s.a.w, bukan diam orang yang bingung dan bukan juga kerana kehilangan hujah, tetapi pelik kerana kejahlannya, kerana tidak ada di dalam ayat itu [kenyataan] yang mewajibkan 'Isā, 'Uzayr dan Malaikat masuk ke dalam neraka, kerana Allah berfirman: ﴿وَمَا تَعْبُدُونَ﴾ (dan apa yang kamu sembah), bukannya: ﴿وَكُلُّ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ﴾ (dan setiap apa yang kamu sembah selain daripada Allah). Sesungguhnya Ibn al-Zibā'rā ingin [dedahkan] kesilapan Nabi s.a.w agar digambarkan kepada kaumnya bahawa beliau telah menghujahi Baginda. Lalu Allah s.w.t pun menurunkan ayat:

إِنَّ الَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُمْ مِنْ أَنْحَسْنَى ...

"Sesungguhnya bagi mereka yang terdahulu dari kami kebaikan iaitu dari kalangan yang disembah (*al-Ma'būdīn*);"

أُولَئِكَ عَنْهَا مُبَعِّدُونَ ...

"Mereka terhindar daripada neraka."

Lalu Rasulullah s.a.w membacakan ayat tersebut lalu mereka kecoh [ketika ayat itu dibaca] agar tidak terserlah kedangkalan hujah dan kesilapan mereka seraya mereka berkata:

أَلَهُمْ خَيْرٌ أُمُّ هُوَ

"Adakah tuhan-tuhan kami lebih baik atau pun dia?"<sup>44</sup>

<sup>42</sup> Kata-kata beliau bermaksud jika Isa, Uzayr dan Malaikat telah disembah maka mereka akan dihimpunkan bersama pengikut mereka di dalam neraka.

<sup>43</sup> Al-Anbiyā', (21: 101).

<sup>44</sup> Al-Zukhruf, (43: 58).

mereka maksudkan ‘Isā a.s. Lalu Allah s.w.t menurunkan [ayatNya]:

وَلَمَّا ضُرِبَ ابْنُ مَرْيَمَ مَثَلًا إِذَا قَوْمٌ مِّنْهُ يَصْدُونَ (٥٧) وَقَالُوا  
أَلَهُنَا خَيْرٌ أُمُّ هُوَ مَا ضَرَبْتُمْ لَكُمْ إِلَّا جَدَلًا بَلْ هُنَّ قَوْمٌ  
خَصْمُونَ (٥٨)

“Ketikamana dijadikan anak Maryam (‘Isā a.s) sebagai contoh (iaitu dia disembah oleh Nasrani) lalu kaum engkau kecoh (mendengarkannya). Mereka berkata: “Adakah Tuhan-tuhan kami terlebih baik atau dia (‘Isā)? Mereka itu tiadalah mengumpamakannya kepada engkau, melainkan untuk membantah. Bahkan mereka itu kaum yang suka membantah.”<sup>45</sup>

- (20) Setiap apa yang kami perkatakan daripada ayat, atau tidak kami perkatakan [di sini], merupakan asas dan hujah bagi kami dalam perbincangan tentang apa yang kami sebutkan secara terperinci, biarpun tiada masalah tertentu dalam al-Qur'an dan al-Sunnah [secara khusus] kerana apa yang berlaku penentuannya dan pada masalah-masalah *aqliyyah* pada zaman Nabi s.a.w dan sahabat, mereka memperkatakan tentang perkara tersebut sepertimana yang kami nyatakan.

### [Jawapan Ketiga]

- (21) Dan jawapan ketiga; sesungguhnya kesemua permasalahan yang dipersoalkan oleh mereka tentangnya telah diketahui oleh Rasulullah s.a.w dan Baginda tidak jahil mengenai perincian perkara tersebut sedikitpun, cuma permasalahan tersebut tidak diperkatakan pada zamannya s.a.w secara khusus, sehingga Baginda [perlu] memperkatakannya atau tidak memperkatakannya, biarpun asasnya terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Dan apa yang berlaku mengenai sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama dari sudut syari'ahnya, maka mereka membincangkan tentangnya, mereka perbahaskan dan mereka selidiki, diperdebatkan dan didatangkan hujah oleh mereka tentangnya; seperti masalah

---

<sup>45</sup> Al-Zukhruf, (43: 57-58).

*al-'Aul*<sup>46</sup> dan *al-Jaddāt*<sup>47</sup> dari masalah pembahagian harta pusaka (*al-Farā'id*) dan selainnya dari perkara yang berkaitan dengan hukum-hakam, dan seperti masalah *al-Haram*, *al-Bā'in*,<sup>48</sup> *al-Battah*<sup>49</sup> dan pelepasan haiwan ternakan (*habluka 'alā gharībika*)<sup>50</sup> dan seperti masalah-masalah yang berkaitan dengan hudud dan talak yang banyak disebut tentangnya daripada apa yang berlaku pada zaman mereka. Dan tidak didatangkan pada setiap satu daripadanya (masalah-masalah di atas) nas dari Nabi s.a.w, kerana sekiranya ia mendatangkan nas bagi kesemua masalah itu nescaya mereka tidak akan bercanggah pendapat tentangnya, dan tidak akan berterusan percanggahan tersebut hingga sekarang.

- (22) Dan permasalahan-permasalahan ini sungguhpun tidak ada, pada setiap satu daripadanya, nas dari Rasulullah s.a.w namun sesungguhnya mereka mengembalikannya dan mengkiaskannya ke atas apa yang dinaskan oleh kitab Allah Ta‘ala, Sunnah [Rasulullah s.a.w] dan ijtihad mereka. Maka hukum-hakam bagi peristiwa-peristiwa *furu'* ini mereka kembalikan kepada hukum-hukum *syariat* yang merupakan perkara *furu'* yang tidak dapat diketahui hukumnya melainkan melalui *al-Sam'* dan Rasul a.s. Adapun peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan perkara usul dalam menentukan permasalahan-permasalahan maka perlu ke atas orang Islam yang

<sup>46</sup> Penambahan dan pengurangan saham pada harta warisan, Al-Qal‘aji. Muḥammad Rawwās, *Mu'jam Lughah al-Fuqahā'*, (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1996), hlm. 294.

<sup>47</sup> Datuk dan nenek, lihat *Mu'jam al-Arabi al-Asāsi*, hlm. 232. Ia berkaitan dengan pembahagian harta pusaka bagi datuk dan nenek.

<sup>48</sup> Cerai yang tidak boleh dirujuk melainkan dengan mahar dan akad yang baru. Al-Qal‘aji. Muḥammad Rawwās, *Mu'jam Lughah al-Fuqahā'*, hlm. 81.

<sup>49</sup> Iaitu menceraikan secara talak ba'in. *Ibid.*, hlm. 83.

<sup>50</sup> Terjemahan secara literal ialah “Pergilah ke mana yang kamu kehendaki,” *Mu'jam al-Arabi al-Asāsi*, hlm. 888. Terjemahan McCarthy: “Talimu di atas yang asing bagi kamu.” Perkara ini merujuk kepada unta betina yang bebas bergerak tanpa ikatan dan makan dari mana-mana yang dikehendaki-nya. Kaedah ini dilihat berkaitan dengan masalah perceraian, lihat McCarthy, hlm. 130.

berakal mengembalikan hukumnya kepada sekumpulan asas-asas (*al-Uṣūl*) yang disepakati; dengan akal, pancaindera, dan perkara *badiḥī*<sup>51</sup> serta selainnya. Ini kerana hukum berkenaan masalah-masalah *syara'* yang jalannya melalui *al-Sam'a* perlulah dikembalikan kepada asas *syara'* yang jalannya ialah *al-Sam'a* (Wahyu). Dan masalah-masalah rasional ('*aqlīyyah*) dan inderawi (*māhsūsāt*) hendaklah dikembalikan kepada babnya dan tidak mencampur-adukkan perkara *al-'Aqliyyāt* dengan *al-Sam'iyyāt* dan perkara *al-Sam'iyyāt* dengan *al-'Aqliyyāt*. Seandainya berlaku pada zaman Nabi s.a.w perbincangan tentang kemakhlukan al-Qur'an (*Khalq al-Qur'ān*) dan pada konsep Sebahagian dan Lompatan (*al-Juz' wa al-Tafrīh*) dengan lafaz-lafaz sedemikian nescaya Nabi s.a.w akan memperkatakan dan menjelaskan perkara tersebut sebagaimana Baginda telah menjelaskan seluruh perkara yang berlaku di zamannya; dari [aspek] penentuan masalah-masalah dan perbincangan tentangnya.

- (23) Kemudian dikatakan bahawa, Nabi s.a.w tidak diriwayatkan dengan sahih suatu hadis dari Baginda yang menyatakan beliau memperkatakan bahawa al-Qur'an adalah bukan makhluk ataupun makhluk. Maka kenapa kamu kata ianya adalah bukan makhluk? Jika mereka menjawab, [hal ini] kerana ia telah diperkatakan oleh sebahagian para sahabat r.a dan para *tābi'iin*. Katakan kepada mereka: Kena ke atas para sahabat dan *tābi'iin* juga apa yang kena ke atas kamu iaitu ia merupakan satu *bid'ah* yang sesat kerana memperkatakan apa yang tidak diperkatakan Rasulullah s.a.w. Jikalau ada yang menyatakan: "Saya tidak menetapkan apa-apa (*tawaqquf*) tentang perkara tersebut; saya tidak menyatakan ianya makhluk dan juga tidak bukan makhluk." Katakan kepadanya: Maka kamu ketika bertawaqquf ini adalah *mubtadi'* lagi sesat kerana Nabi s.a.w tidak menyatakan: "Jika berlaku peristiwa ini selepasku maka bertawaqqulah (*tawaqquf*) tentangnya, dan jangan kamu kata apa-apa pun tentangnya." Dan tidak

---

<sup>51</sup> Perkara yang diterima tanpa perdebatan dan perbahasan.

juga Nabi s.a.w menyatakan: “Hukum sesat dan kafirkan sesiapa yang menyatakan ianya makhluk atau sesiapa yang menyatakan ianya bukan makhluk.”

- (24) Dan khabarkan kepada kami (*khabbarūnā*), sekiranya berkata seseorang: “Sesungguhnya ilmu Allah makhluk.” Adakah kamu akan bertawaqquf tentangnya atau tidak? Jika mereka berkata: “Tidak,” katakan kepada mereka: Nabi s.a.w dan para sahabatnya tidak menyatakan apa-apa tentang perkara tersebut. Demikian juga jika yang berkata ini berkata: Tuhan kamu ini kenyang (*syab'ān*) atau hilang dahaga (*rayyān*), memakai baju atau telanjang, ditimpa selsema (*maqrūr*) atau demam kuning (*safrawī*) atau kesejukan (*marṭub*), jisim atau '*arad*, mencium bau atau sebaliknya atau adakah bagiNya hidung, jantung hati, dan limpa? Adakah Dia menunaikan Haji setiap tahun? Adakah Dia menunggang kuda atau sebaliknya? Adakah Dia pitam atau tidak? Dan seumpamanya dari permasalahan-permasalahan, maka sewajarlah bagi kamu untuk diam tentangnya kerana Rasulullah s.a.w tidak memperkatakan sesuatupun tentang perkara tersebut, demikian juga para sahabat Baginda s.a.w. Ataupun kamu tidak diam [berkenaan perkara tersebut] sebaliknya menjelaskan dengan kata-kata kamu, bahawa setiap perkara tersebut tidak harus bagi Allah s.w.t dan kamu mensucikan [Allah s.w.t] dari perkara tersebut dengan hujah-hujah tertentu.
- (25) Maka jika berkata seseorang: “Saya berdiam diri tentangnya dan tidak menjawabnya dengan sesuatu apapun, atau aku tidak bercakap dengannya atau aku meninggalkannya atau tidak memberi salam kepadanya atau tidak menziarahinya apabila dia sakit atau tidak menyaksikan jenazahnya apabila dia mati.” Katakan kepadanya: “Maka jadilah kamu di atas apa yang kamu perkatakan ini seorang pembuat *bid'ah* (*mubtadi'*) lagi sesat kerana Rasulullah s.a.w tidak berkata: “Barangsiapa ditanya tentang sesuatu berkaitan perkara tersebut maka diamlah kamu.” Demikian juga Rasulullah s.a.w tidak menyatakan “Jangan memberi salam kepadanya,” tidak juga: “Tinggalkannya,” dan tidak berkata suatu apapun

dari perkata tersebut. Maka kamu adalah pembuat bid'ah jika kamu melakukan sedemikian.

- (26) [Dikatakan kepada mereka]: “Mengapa kamu tidak mendiamkan diri dari sesiapa yang menyatakan bahawa al-Qur'an itu makhluk dan mengapa kamu mengkafirkannya sedangkan tidak diriwayatkan dari Nabi s.a.w hadith yang sahih tentang penafian kemakhlukannya dan tentang pengkafiran terhadap sesiapa yang menyatakan tentang kemakhlukannya. Maka sekiranya mereka berkata: “Sesungguhnya Ahmad bin Hanbal r.a. berpendapat menafikan bahawa al-Qur'an itu makhluk, dan beliau telah mengkafirkannya sesiapa yang mengatakan al-Qur'an itu makhluk,” katakan kepada mereka: “Kenapa Ahmad bin Hanbal tidak berdiam diri [dari memberikan pendapat] tentang perkara tersebut bahkan beliau memperbincangkan mengenai perkara itu?” Maka sekiranya mereka berkata: Kerana ‘Abbas al-‘Anbarī, Waqī’, ‘Abd Rahmān bin Mahdi dan beberapa orang yang lain telah berkata bahwasanya al-Qur'an bukanlah makhluk, dan barang sesiapa yang mengatakan bahawa ia adalah makhluk maka dia adalah kafir, katakan kepada mereka: Kenapa mereka ini tidak mendiamkan diri daripada memperkatakan perkara yang tidak disuarakan oleh Nabi s.a.w? Maka sekiranya mereka berkata: Kerana ‘Amrū bin Dīnār, Sufyān bin ‘Uyainah, Ja‘far bin Muḥammad r.a. dan beberapa individu lain berpendapat bahawa [al-Qur'an] bukan pencipta (*khāliq*) dan bukan juga dicipta (*makhluq*), katakan kepada mereka: Kenapa mereka ini tidak mendiamkan diri dari membincangkan tentangnya sedangkan ianya tidak diperkatakan oleh Nabi s.a.w?
- (27) Maka sekiranya mereka membolehkan (*ahālū*) [perbincangan] perkara tersebut kepada para sahabat atau sekumpulan daripada mereka, maka yang demikian itu adalah satu bentuk keterlaluan (*Mukābirah*), maka sesungguhnya katakan kepada mereka kenapa mereka tidak berdiam diri dari menyatakan, sedangkan Nabi s.a.w tidak memperkatakannya dan Baginda juga tidak berkata: “Kafirkan sesiapa yang menyatakaninya.” Dan jika lau mereka berkata: “Menjadi kemestian (*lā*

*budda)* ke atas ulama' untuk memperkatakan tentang sesuatu perkara yang berlaku bagi mengajar orang jahil tentang hukumnya." Dikatakan kepada mereka: "Inilah jawapan yang kami inginkan daripada kamu. Kenapa kamu tegah perbincangan tersebut? Maka kamu, sekiranya kamu inginkan, kamu perkatakannya sehingga apabila kamu tidak mampu [untuk berhujah] kamu berkata bahawa: "Kami ditegah dari membincangkannya," dan apabila kamu ingin, kamu turuti (*qalladțum*) mereka yang sebelum kamu tanpa sebarang hujah dan penjelasan, ini [sememangnya suatu yang berbentuk] nafsu dan penghinaan.

- (28) Kemudian dikatakan kepada mereka: "Sesungguhnya Nabi s.a.w tidak memperkatakan tentang nazar-nazar (*al-Nudhūr*)<sup>52</sup> dan wasiat-wasiat (*al-Waṣāyā*)<sup>53</sup> tidak juga tentang pembebasan hamba (*al-'Itq*) dan perkiraan harta pusaka yang tidak dibahagikan (*al-Munāsikhah*). Demikian juga Baginda s.a.w tidak menulis kitab sebagaimana yang dilakukan oleh Mālik, al-Thawri, al-Shafi'i dan 'Abū Ḥanifah. Maka mereka, menurut pandangan kamu, adalah pembuat bid'ah [yang] sesat kerana melakukan perkara yang tidak dilakukan oleh Nabi s.a.w, [dan kerana] mereka memperkatakan suatu yang tidak diperkatakan oleh Nabi s.a.w dan mereka mengarang apa yang tidak dikarang oleh Nabi s.a.w. [Ini kerana] mereka juga mengkafirkan golongan yang menyatakan al-Qur'an adalah makhluk sedangkan ianya tidak diperkatakan oleh Nabi s.a.w. Apa yang kami perkatakan [ini] adalah memadai [untuk menjelaskan tentang kebaikan mendalam ilmu kalam] bagi setiap yang berakal dan tidak engkar (*ghayr mu'ānid*).

Kami akhiri, dan segala puji bagi Allah s.w.t serta selawat dan salam ke atas Sayyidinā Muḥammad [s.a.w] dan keluarganya serta sahabatnya.

<sup>52</sup> Iaitu mewajibkan perbuatan yang disyara'kan ke atas diri dengan kata-kata apabila tercapai sasaran sebagai membesarcan Allah s.w.t dan bersyukur kepadaNya, Al-Qal'āji, *Mu'jam Lughah al-Fuqahā'*, hlm. 447.

<sup>53</sup> Iaitu pemilikan kepada orang lain ke atas harta selepas kematian, *Ibid.*, hlm. 475.

## Penutup

Demikianlah terjemahan teks *Risālah fi al-Istihsān al-Khwāḍ fi al-'Ilm al-Kalām* oleh Imām al-'Asy'arī. Berdasarkan hujah-hujah dan penjelasan yang dikemukakan dalam Risalah ini kita dapat melihat betapa Imām al-'Asy'arī mempunyai hujah yang kukuh dan bersumberkan dari al-Qur'an al-Karim dalam usaha untuk mempertahankan keabsahan 'ilm al-Kalām dan kebaikan mendalaminya ilmu tersebut. Mudah-mudahan terjemahan teks ini dapat dijadikan panduan dalam usaha untuk mengenali metodologi pemikiran pengasas aliran al-'Asyā'irah, mazhab akidah utama dalam *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.